

# **PROSES KELAHIRAN KERAJAAN ISLAM MADINAH**

oleh  
Prof. Madya W. Yahya W. Ahmad

## **Abstract**

*Muslim scholars have to know more about the development of Islamic State during the time of the Prophet, particularly the Sahifah of Madinah. This article describes the details of the Prophet's life and his activities when he was the leader of the government of the City State, espacially the organization of the Islamic ummah which was based on definite ideology and a distinct political philosophy, and how the Prophet unified all muslims and made them one nation confessing one faith, working together as members of a community on which brotherhood was given priority over any other relationship.*

## **Pendahuluan**

Artikel ini cuba memaparkan tentang proses perkembangan dan tertegapnya sebuah pentadbiran Islam di wilayah Madinah dengan dipimpin oleh Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w.

Ketibaan Baginda Rasulullah s.a.w di Madinah pada 12 Rabi'i al-Awal, (24 Sept., 622M), merupakan bermulanya era baru di dalam sejarah perkembangan Islam. Berikutnya ramai penganut Islam turut berhijrah ke Madinah. Ini kerana mereka merasa tersempit, tertindas dan teraniaya berada di kota Mekah yang dikuasai oleh pemimpin-pemimpin kafir Quraisy.

Orang Islam Mekah yang baru tiba di Madinah, mereka bukan sahaja diberi perlindungan dengan menyediakan tempat tinggal tetapi mereka juga diberi jaminan sarahidup dan keselamatan jiwa serta harta benda. Hal ini merupakan suatu yang diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w ke dalam masyarakat Islam yang baru wujud di kota itu. Ianya melibatkan seluruh lapisan masyarakat Islam. Ini adalah suatu tindakan menuju ke arah pembentukan **perpaduan ummah** di kalangan orang Islam.

## Pembentukan Kesatuan Ummah

Peristiwa pembentukan ummah itu merupakan ekoran dari perjumpaan-perjumpaan di ‘Aqabah<sup>1</sup> (pertama, kedua dan ketiga). Pertama berlaku di antara Rasulullah s.a.w dengan beberapa orang penganut baru yang datang dari Madinah. Ia berlangsung pada awal tahun 620M., kira-kira dua tahun sebelum hijrah Rasulullah s.a.w ke Madinah.<sup>2</sup> Mereka itu kembali ke Madinah dan mengajak sanak saudara dan sahabat handai kepada ajaran Islam. Hal ini berjalan secara sembunyi dan rahsia. Hasil usaha itu, menjadi bilangan penganut Islam di Madinah bertambah dua kali ganda dalam masa setahun. Perjumpaan kedua, perjanjian ‘Aqabah pertama. Berlaku pada tahun kedua belas dari kerasulan Muhammad s.a.w. Perjanjian ini disertai oleh 12 orang Islam dari Madinah, 9 dari Khazraj dan 3 dari Aws. Mereka ialah:<sup>3</sup> As‘ad bin Zurarah, Awf bin al-Harith, Mu‘adh bin Harith, Rafi bin Malik; Dakhwan bin Abdul Qays; ‘Ubada bbin al-Samit; Yazid bin Tha‘lab; al-‘Abbas bin ‘Ubada; ‘Uqbah bin ‘Amir; Abu Haysan bin al-Tayyiham; dan ‘Amir bin Saadah.<sup>4</sup>

Abd al-Salam Harun di dalam bukunya. *Tahdhib Sirah Ibn Hisham* menulis:<sup>5</sup>

Perjumpaan ketiga ialah al-‘Aqabah kedua. Berlangsung pada tahun ketiga dari kerasulan Muhammad s.a.w.

Mengikut Ibn Sa‘d di dalam bukunya *al-Tabaqat*, dengan anutan Islam oleh Sa‘d bin Mu‘adh dari Bani Aws menyebabkan ramai dari sukunya mengikut menganut agama Islam. Di antara mereka yang bekerja kuat berdakwah, mengajak

<sup>1</sup>Al-‘Aqabah: Satu tempat letaknya di antara Mina dan Mekah. Jauhnya dari Mekah kira-kira dua batu. Di situ lah tempat para hujaj melontar ‘*Jamrah al-‘Aqabah*. Lihat: Abdu Al-Salam Harun, *Tahdhib Sirah Ibn Hisham*, h. 103.

<sup>2</sup>Mereka seramai enam orang dari suku Khazaraj, iaitu: As‘ad bin Zurarah dari B. Najjar; Awf bin Harith dari B. Ghanam; Rafi‘ bin Malik dari b. Zurayq; Qutbah bin ‘Amir; Jabir bin Abdullah; dan ‘Uqbah bin ‘Amir, ketiga-tiganya dari B. Salamah. Lihat: M. Yasin Mazahar Siddiqul, *Organization of Government Under the Holy Prophet*, h. I; Al-Tabari, *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, II, h. 353-55; Ibn Sa‘d, *al-Tabaqat al-Kubra*, I, h. 219; Baladhuri, *Ansab al-Ashraf*, I, h. 239.

<sup>3</sup>A. Guillaume, *The Life of Muhammed*, h. 198-99; Ibn Ishak, h. 198-99; Tabari, II, h. 356; Ibn Sa‘d, III, h. 602-03; Watt, *Muhammed at Madinah*, 144-46. Ibn Hisham, h. 289.

<sup>4</sup>Abd al-Salam Harun, *op.cit.*, h. 105.

<sup>5</sup>*Ibid.*

masyarakat Madinah kepada Islam ialah Sa'd bin Mu'adh, As'ad bin Zurarah dan Mus'ab bin 'Umayr.<sup>6</sup>

Kerjasama yang diberikan oleh suku Khazraj dan Aws boleh mempercepatkan lagi jentera perkembangan Islam di dalam masyarakat Madinah serta menambahkan lagi bilangan orang baru menganut Islam di Wilayah tersebut. Akidah Islamiyyah mula bertapak kuat dan melebar luas di bumi Madinah.

### Kebenaran Berperang

Perjumpaan terakhir di 'Aqabah dikenali dengan perjanjian 'Aqabah kedua, disertai oleh 75 orang Islam yang datang dari Madinah, termasuk dua kaum wanita.<sup>7</sup> Perjanjian kali kedua itu dikenali juga dengan 'Bay'ah al-Harb' (Perjanjian sanggup berperang). Sebab perjumpaan pada kali ketiga di antara Rasulullah s.a.w dan orang Madinah, orang Islam Madinah telah memberi pengakuan kepada Rasulullah s.a.w bahawa mereka akan mengikut semua acara Islam, patuh kepada arahan Baginda s.a.w dan akan mempertahankan Baginda dari ancaman musuh.<sup>8</sup> Sebagai disebut di dalam buku, *Tahdhib Sirah Ibn Hisham*:<sup>9</sup>

*Berkata 'Ubada bin al-Samit: Kami memubaya'ah Rasulullah s.a.w dengan 'Bay'ah al-Harb, iaitu kami mendengar dan taat kepadanya, walaupun di dalam keadaan susah atau senang, dengan sukarela atau paksaan, dan kami mengutamakan orang lain dari kami, kami tidak berebut sesuatu perkara dari ahlinya (orang yang berhak), dan kami berkata dengan kebenaran di mana kami berada, dan kami tidak takutkan orang lain (orang yang mencela) dari Allah.*

Sebelum dari itu Rasulullah s.a.w tidak diizinkan untuk menentang musuhnya dengan kekerasan atau memerangi mereka. Tetapi selepas peristiwa 'Aqabah kedua, Baginda dibenarkan menghadapi musuhnya dengan memerangi mereka jika perlu berbuat demikian. Ayat pertama turun berkenaan hal ini, Allah berfirman:<sup>10</sup>

<sup>6</sup>Ibn Sa'd, III, h. 420-21; Ibn Hisham, h. 289; M. Yasin Mazhar Siddiqui, *op.cit.*, h. 2; T.W. Arnold, *The Preaching of Islam*, h. 22-24.

<sup>7</sup>Ibn Hisham, 234; Tabari, II, h. 263, 364, 368.

<sup>8</sup>M. Yasin Mazhar Siddiqui, *op.cit.*, h. 2; Abdu al-Salam Harun, *op.cit.*, h. III.

<sup>9</sup>*Ibid.*

<sup>10</sup>Surah al-Hajj, Ayat : 39, 40.

أُذنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ طَلَبُوا مِنَ اللَّهِ عَلَىٰ نَصْرَهُ مُقْدِرٌ  
 ۚ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِن دِيَرِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَن يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ  
 وَلَوْلَا دُفَعَ اللَّهُ النَّاسَ بِعِصْمَهِمْ بِعِصْمٍ هَذِهِ صَوْمَاعٌ وَبَعْلَوْتٌ  
 وَمَسْكِيدٌ يُذْكَرُ فِيهَا أَسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن  
 يَنْصُرُهُ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَقَوْيٌ عَزِيزٌ ۝

"Dilizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai, dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). Iaitu mereka yang diusir dari kampong halamannya secara tidak benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan kami ialah Allah". Dan kalaularah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengah yang lain, nescaya runtuuhlah tempat-tempat pertapaan dan gereja-gereja (Kristian), tempat-tempat sembahyang (orang Yahudi) dan masjid-masjid yang sentiasa padanya disebut nama Allah banyak-banyak. Dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya, sesungguhnya Allah Maha Kuat dan Maha Berkuasa."

Kemudian turun pula ayat lain. Allah berfirman:<sup>11</sup>

وَقَاتَلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتَلُونَكُمْ وَلَا تَقْتَلُوا إِنَّ اللَّهَ لَا  
 يُحِبُّ الْمُعْتَدِلِينَ ۝ وَاقْتُلُوهُمْ حِيثُ مَقْتُلُوكُمْ وَآخِرُهُمْ قَذْفٌ  
 حِيثُ أُخْرِجُوكُمْ وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا تُقْتَلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ  
 حَتَّىٰ يُقْتَلُوكُمْ فِيهِ فَإِنْ قَاتَلُوكُمْ فَاقْتُلُوهُمْ كَذَلِكَ جَزَاءُ الْكُفَّارِ ۝  
 فَإِنْ اتَّهَمُوكُمُ اللَّهُ عَزُورٌ رَّحِيمٌ ۝ وَقَاتَلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيُكَوَّنَ  
 الَّذِينُ لَهُمُ اللَّهُ فَإِنْ أَنْهَوْهُمْ فَلَا عَذَابُ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ ۝

"Dan perangilah kerana (menegap dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu mencerobohi (dengan memulakan perperangan), kerana

<sup>11</sup> Surah al-Baqarah, Ayat : 190-193.

sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh. Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapat mereka, dan usirlah mereka dari tempat yang mereka yang telah mengusir kamu, dan ingatlah bahawa fitnah itu lebih besar bahayanya dari pembunuhan, dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar Masjid al-Haram sehingga mereka memerangi kamu di situ, oleh itu kalau mereka memerangi kamu (di situ) maka bunuhlah mereka, demikianlah balasan bagi orang-orang yang kafir. Jika mereka berhenti memerangi kamu (maka berhentilah kamu), kerana Allah Amat Pengampun dan Amat Mengasihani. Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadikan agama itu semata-mata kerana Allah. Jika mereka berhenti, maka tidak ada lagi permusuhan melainkan terhadap orang-orang yang zalim.

Perjumpaan pada kali terakhir itu jelas memperlihatkan persediaan-persediaan ke arah perpindahan Baginda ke Madinah serta menegapkan sebuah kuasa Islam di sana. Sehingga tarikh perjumpaan itu, Baginda tidak pernah menggambarkan hal perpindahan ke Madinah kepada para sahabatnya.

Penyataan ini dapat difahami dari catatan-catatan sejarah yang dipindahkan oleh sejarawan-sejarawan peringkat awal seperti Ibn Ishak dan lainnya. Dengan berlakunya peristiwa ‘Aqabah kedua itu, terbentuklah satu pakatan politik. Ia merupakan suatu teori pada ketika itu, tetapi selepas ketibaan Baginda di Madinah, idea tersebut lahir ke alam realiti.

Al-Tabari di dalam bukunya menyebut, sesudah perjanjian tersebut Baginda pun mengutuskan Mus'ab bin 'Umayr ke Madinah bagi melicinkan lagi pengurusan perkembangan dakwah Islamiyyah di sana. Di samping ianya bertujuan kebajikan masyarakat Islam yang masih muda itu. Baginda Rasulullah s.a.w bertindak melantik 12 orang sebagai *naqib* (ketua), 9 dari Khazraj dan 3 dari Aws.<sup>12</sup>

Tidak lama selepas terikatnya perjanjian ‘Aqabah kedua, ramailah kaum muslim Mekah membuat migrasi ke Madinah. Bilangan mereka bertambah dari semasa ke semasa. Kecuali sebilangan kecil sahaja yang tidak dapat melakukan

<sup>12</sup> Al-Tabari, II, h. 355-56; Watt, *op.cit.*, h. 147-48; A.J. Arberry, *The Quran Interpreted*, 1, h. 129; Ibn Ishak, 204; Ibn Sa'd, III, h. 602; Maqrizi, *Imta' al-Asma'*; h. 32, 33; Hassan Ibrahim Hassan, *Tarikh al-Islam al-Siyasi Wa al-Dini Wa al-Thaqafi Wa al-Ijtima'i*, juz. 1, h. 95.

perpindahan, kerana sebab-sebab tertentu. Seperti kerana terlalu tua. Mereka itu terpaksa menetap di Mekah.

### **Ikatan Persaudaraan**

Ahli-ahli sejarah tidak menyebut dengan jelas berhubung sikap orang Madinah terhadap ketibaan orang Mekah. Bagaimanapun penerimaan mereka terhadap pendatang-pendatang baru itu, dapat dilihat melalui catatan-catatan berkenaan peristiwa *al-muakhat* yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w, di mana orang Mekah yang baru tiba dipersaudarakan dengan orang ‘Ansar penduduk asal Madinah.<sup>13</sup> Ahli-ahli sejarah juga menyebut, peristiwa itu berlaku pada awal-awal Safar tahun pertama Hijrah (Ogos, 623M). Ianya dilangsungkan di samping masjid Rasulullah s.a.w yang belum siap lagi.<sup>14</sup>

Mengikut Ibn Ishak serta ahli-ahli sejarah peringkat awal, *al-muakhat* yang seperti itu pernah dilakukan oleh Baginda Rasulullah s.a.w semasa di Mekah, iaitu apabila bilangan orang Islam Mekah bertambah, lalu dipersaudarakan di kalangan penganut-penganut Islam yang baru itu dengan secara pasangan (dua-dua) dan diistiharkan pasangan saudara seagama. Contohnya, al-Zubayr bin al-‘Awwam dari Bani Asad dipersaudarakan dengan Talhah bin Abdullah dari Bani Taym. Muhammad Rasulullah mempersaudarakan dirinya dengan Ali bin Abu Talib.<sup>15</sup>

*Al-Muakhat* yang diperkenalkan itu mencerminkan asas permulaan ke arah pembentukan masyarakat Islam, berdasarkan pengertian ideologi serta politik Islam. Hal itu merupakan pengalaman baru bagi orang-orang Islam (Muhibbin dan Ansar) yang pernah wujud di dalam masyarakat Arab di Mekah dan juga di Madinah. Sebelum itu bangsa Arab mengiktiraf perhubungan di antara mereka melalui hubungan darah keturunan. Mereka juga menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di kalangan mereka berdasarkan keturunan serta suku puak. Setiap anggota masyarakat dibesarkan melalui sistem kesukuan dan kabilah.<sup>16</sup> Kedatangan Muhammad s.a.w menyebabkan perubahan kepada kebudayaan hidup bermasyarakat bangsa Araab yang diwarisi zaman berzaman. Hubungan dan kesamaan ideologi mengambilalih sistem perhubungan yang diikat melalui darah keturunan, *al-hilf* (sumpah setia), *al-jiwar* (perlindungan) dan *al-wala'* (kawan

<sup>13</sup>Bukhari, *Kitab al-Manaqib*, (bab akhbar al-nabi dan kitab al-Tafsir); al-Tabari, II, h. 382; Watt, *op.cit.*, h. 238, 39.

<sup>14</sup>Ibn Sa'd, III, h. 555.

<sup>15</sup>Ibn Ishak, h. 234-35.

<sup>16</sup>Thabit Ismail al-Rawi, *Muhadarat fi Tarikh al-Arab Qabl al-Islam*, Baghdad, 1969, hal. 64; Hassan Ibrahim Hassan (Dr.), *Al-Tarikh al-Islami al-'Am*, Kaherah, t.t. hal. 489.

dan kasih sayang) sikap itu telah berakar umbi di dalam fahaman kesukuan mengikut adat resam orang Arab.

Umat Islam merupakan sebuah badan atau satu masyarakat yang perhubungan di antara anggotanya berasaskan akidah Islamiyyah, bukan menilai kepada hubungan darah atau seumpamanya sebagai disebutkan di atas.<sup>17</sup> Ikatan *al-muakhat* sebagai disebut, dapat mempercepatkan penerimaan Islam di kalangan suku-suku kaum di kedua belah pihak yang bersaudara tadi.

Ada pendapat mengatakan bahawa sistem *al-muakhat* yang diperkenalkan itu bertujuan ketenteraan. Ianya bermatlamat untuk menguatkan kedudukan Rasulullah s.a.w dengan ajaran yang dibawa olehnya. Sikap yang ditunjukkan oleh mereka yang dipersaudarakan boleh menjadi benteng kepada perjuangan Nabi Muhammad, sama ada di dalam keadaan pertahanan maupun di dalam suasana penyerangan ke atas pihak lawan.

Berhubung dengan perkara *al-muakhat* ini, Ibn Sa'd di dalam bukunya menolak pendapat yang mengatakan ia bertujuan ketenteraan. Mengikutnya, *al-muakhat* mula diperkenalkan di dalam masyarakat Islam semasa di Mekah seperti telah disebut di atas. Ianya bukan kerana ketenteraan. Ini kerana *al-muakhat* diperkenalkan lama dahulu sebelum berlakunya peperangan Badr.<sup>18</sup>

Sekiranya *al-muakhat* bertujuan ketenteraan; sudah tentu ia dilakukan selepas Badr. Sebab, setelah berlakunya peperangan tersebut, kedudukan orang Islam memerlukan satu pertahanan yang kuat. Lagipun, mengikut Ibn Ishak, tidak seorang pun di antara 12 orang pasangan yang dipersaudarakan oleh Muhammad s.a.w itu terlibat di dalam peperangan yang dimaksudkan.<sup>19</sup> Berapa ramaikah orang Muhajirin dan Ansar yang telah menerima *al-muakhat* itu menyertai Badr tidak menjadi persoalan di sini, tetapi yang mustahak ditekan ialah arah dan motif *al-muakhat* itu sendiri. Apakah benar ianya bertujuan ketenteraan ataupun tidak.

Kalau dilihat kepada ia pernah diperkenalkan semasa Nabi berada di Mekah, kemudiannya apabila Baginda berada di Madinah *al-muakhat* dilakukan pula di antara kaum Muhajirin dengan kaum Ansar, dan peristiwa itu lama terdahulu sebelum peristiwa peperangan Badr. Dengan itu jelaslah bahawa *al-muakhat* mempunyai motif pembentukan masyarakat Islam yang masih muda di alam nyata. Golongan Ansar yang pada masa itu bilangannya tidak ramai, manakala kaum Muhajirin pula dengan segala kekurangan memerlukan pertolongan. Kerjasama dan perpaduan masyarakat ketika itu sangat mustahak bagi menjamin keselamatan

<sup>17</sup>Ibn Ishak, h. 235, 35; M. Yasin Mazhar Siddiqui, *op.cit.*, h. 4; Watt, *op.cit.*, h. 249, Arnold, h. 33.

<sup>18</sup>Ibn Sa'd, III, h. 555.

<sup>19</sup>Ibn Ishak, h. 530-36.

kedua belah pihak. Dengan itu setiap hamba abdi kepunyaan orang musyrikin Arab yang baru menganut Islam akan mendapat perlindungan di dalam masyarakat itu, terutamanya mereka yang mempunyai kekayaan harta benda. Sebab terdapat di kalangan mereka orang yang sanggup menderma hartanya bagi tujuan membebaskan hamba dari tuannya.

Belum pernah terjadi di dalam masyarakat Arab sebelum Islam adanya semangat kerjasama dan tolong menolong di antara mereka sebagaimana berlakunya di dalam masyarakat Islam di Madinah sesudah peristiwa *al-muakhat* yang masyhur itu. Di mana orang-orang Islam yang telah dipersaudarakan oleh Baginda s.a.w sanggup memberi sebahagian hartanya bagi menolong saudara seagamanya yang memerlukan pertolongan. Malah ada juga yang mempesakai hartanya kepada saudaranya tadi. Tindakan itu boleh melahirkan suatu dasar dan amalan sosial yang bersih dari semua aspek kehidupan bermasyarakat. Hal itu, secara langsung menimbulkan keutuhan kepada masyarakat Islam serta meninggikan moral orang Islam di tengah-tengah masyarakat musyrikin Arab yang sudah sangat rosak.

Orang Muhajirin yang datang ke Madinah tidak membawa apa-apa barang. Sebahagian besar dari mereka yang berpindah ke situ dengan tangan kosong. Harta benda mereka terpaksa ditinggalkan di Mekah, sebab tindakan mereka tidak disukai oleh penguasa Mekah pada ketika itu. Dengan itu, mereka mendapat perhatian saudaranya orang Ansar dengan menghulur banntuan dan pertolongan sekadar mampu.

Ahli-ahli sejarah menulis berkenaan hal itu. Mereka menerangkan beberapa orang Muhajirin yang berpindah sebelum perpindahan Rasulullah s.a.w tinggal bersama Kulthum bin Hindm (ketua suku 'Amr bin 'Awf) sebagai tamunya.<sup>20</sup> Ketika Rasulullah s.a.w tiba di Madinah, mereka masih lagi tinggal bersama-sama Kulthum tadi.<sup>21</sup> Selain dari mereka itu, kebanyakannya menjadi tamu di rumah-rumah orang Ansar yang lain. Ibn Ishak menerangkan Rasulullah s.a.w mengarah kaum Ansar supaya menerima golongan yang baru tiba dari Mekah, pada masa itu tinggal di rumah Anas bin Malik, sebagai saudara mereka. Abu Bakar menjadi tamu Khwybab bin Asaf dari Bani Harith.<sup>22</sup> Arahan itu diterima sepenuhnya oleh kaum Ansar tanpa berdolak dalik. Walaupun demikian, ada juga orang Muhajirin yang menolak tawaran pertolongan yang dimaksudkan. Malah

<sup>20</sup>M. Yasin Mazhar Siddiqui, *op.cit.*, j. 6.

<sup>21</sup>Ibn Sa'd, III, h. 9, 47; Ibn Ishak, h. 226-7.

<sup>22</sup>*Ibid*, h. 218, 228; Ibn Sa'd, III, h. 125.

mereka cuba berikhtiar menjalankan hidup sendiri dengan berniaga secara kecil-kecilan.<sup>23</sup>

Ada juga kenyataan menyebut bahawa terdapat di antara kaum Ansar yang sanggup menceraikan salah seorang dari isterinya untuk dikahwinkan dengan saudaranya orang Muhajirin. Tetapi mereka dikatakan menolak tawaran yang seumpama itu.<sup>24</sup>

Dengan tindakan *al-muakhat*, Rasulullah s.a.w telah berjaya membentuk sebuah masyarakat Islam yang kuat, padu dan digeruni oleh musuhnya pada masa itu. Dengan mengecualikan suku Aws dan Yahudi, seluruh penduduk Madinah diletakkan di bawah satu ikatan berasaskan ikatan agama Islam. Sehubungan dengan itu, Sulaiman al-Parisi berkata bila beliau ditanya asal keturunan, "saya Sulaiman anak Islam". Ini adalah suatu yang baru pernah wujud di dalam masyarakat manusia. Ianya merupakan pertama kali diperkenalkan di dalam sejarah masyarakat orang Arab.<sup>25</sup>

### Perjanjian Madinah

Peristiwa *al-muakhat* tersebut, kemudiannya diikuti oleh satu perjanjian di antara Rasulullah s.a.w dengan seluruh penduduk Madinah, sama ada mereka itu orang Islam dan juga bukan Islam. Hal itu merupakan satu pencantuman yang bermotifkan politik dan juga pembinaan sosial dalam masyarakat Madinah itu sendiri. Perjanjian tersebut dikenali dengan *Sahifah Madinah* (Perlembagaan atau Piagam Madinah). Ahli sejarah tidak memberi tarikh yang tepat bilakah perjanjian itu diistiharkan. Yang dapat dilihat, hanya sekadar pernyataan mereka bahawa perjanjian itu berlaku di dalam tahun pertama Hijrah (622M) Rasulullah s.a.w ke Madinah.<sup>26</sup>

Oleh kerana tidak terdapat kenyataan yang terang dalam hal ini, maka para ahli sejarah cuba memberi pendapat masing-masing. Kattani, *Al-Taratib al-Idariyah*, Wellhausen, *The Arab Kingdom and Its Fall* dan W.M. Watt *Muhammed at Madinah*<sup>27</sup> menyatakan bahawa perjanjian itu diistiharkan sebelum berlakunya peperangan Badr (tahun kedua Hijrah). Manakala Hubert Grimmie,

<sup>23</sup>Bukhari. *Kitab al-Manaqib*. (bah akhbar al-nabi).

<sup>24</sup>Ibn al-Athir. *Usd al-Ghabah*, II, h. 60; Abu 'Umar Yusuf bin Abdullah al-Qurtubi. *al-Isti' abfi Asma al-Ashab*, II, h. 54.

<sup>25</sup>Al-Baladhuri, *op.cit.* I, h. 70-71.

<sup>26</sup>Ibn Ishak, h. 231; Hamidullah. *The First Written ...* h. 41, 54; Ibn Sa'd, II, h. 29; al-Tabari, II, h. 479; Watt, *op.cit.*, h. 221.

<sup>27</sup>Sebagai dinyatakan oleh M. Yasin Mazhar Siddiqui, *op.cit.*, h. 8.

*Mohammed*,<sup>28</sup> dan beberapa penulis lain berpendapat, perjanjian tersebut diistiharkan selepas Badr. Seorang penulis dari India, Barakat Ahmad menulis di dalam bukunya, *Muhammed and The Jews - a Re-Examination*, katanya:

*The first twenty-three articles form part of the original agreement between the Apostle and the Ansar at al-'Aqabah or shortly after the Hijrah. The other articles were added from time to time as the need arose. In view of our observation above, the articles pertaining to the Jews and the declaration of Madinah as haram were concluded after 7H./628M".<sup>29</sup>*

Walau bagaimanapun pandangan ini sukar untuk dipertahankan kerana beliau tidak dapat memberi keterangan yang kuat dan jelas.

Ibn Ishak di dalam tulisannya, bila menulis berkenaan dengan peristiwa Madinah, beliau meletakkan cerita berhubung *Sahifah Madinah* itu lebih terawal dari peristiwa *al-muakhat*.<sup>30</sup> Namun demikian adalah sukar untuk menentukan sama ada ianya diistiharkan terdahulu ataupun terkemudian dari *al-muakhat*. Kalau dikatakan ia berlaku sesudah peristiwa *al-muakhat*, dirasakan lebih munasabah dan logik.

## 6. Kesimpulan

Setelah terbentuknya sebuah masyarakat Islam dan kedudukan Nabi Muhammad s.a.w pun agak kuat dengan kerjasama yang diberikan oleh orang Ansar dan juga golongan Muhajirin, berikutnya Rasulullah s.a.w berikhtiar untuk menegakkan sebuah kuasa Islam di Madinah. Tanpa kuasa yang kuat dan padu, dakwah Islam tidak akan dapat berjalan dengan baik dan licin. Sedangkan Islam mesti berkembang dan tersebar seluas-luasnya dan secepat yang mungkin. Bagi tujuan ini, maka *Sahifah Madinah* wujud ke dalam nyata. Dengan terbentuknya dan termeterainya perjanjian di antara Rasulullah s.a.w dan semua penduduk Madinah melalui *Sahifah Madinah* itu, maka bermulalah sebuah kuasa Islam yang kemudiannya lebih dikenali dengan panggilan **Kerajaan Islam Madinah**. Kerajaan pimpinan Baginda Rasulullah s.a.w itu benar-benar pentadbirannya berdasarkan ajaran Islam yang tulin di dalam semua aspek yang diperlukan oleh sebuah kerajaan.

<sup>28</sup>*Ibid.*

<sup>29</sup>*Ibid.*

<sup>30</sup>Watt, *op.cit.*, h. 221.